



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Persatuan Peladang (Pindaan) 1971
DR.78/1971

RANG UNDANG²

bernama

Suatu Akta bagi meminda Akta Persatuan Peladang, 1967.

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut:

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Persatuan Peladang (Pindaan), 1971.

Tajok ringkas.

2. Sekshen 5 Akta Persatuan Peladang, 1967 (kemudian daripada ini di-sebut sa-bagai "Akta ibu") ada-lah dengan ini di-pinda—

Pindaan bagi sekshen 5. 22/67.

(a) dengan memasukkan perkataan "dan perkhidmatan" sa-belum sahaja perkataan "pemasaran" yang terdapat dalam perenggan (e);

(b) dengan memasukkan perkataan "dan perkhidmatan" antara perkataan "kemudahan²" dengan "tabongan wang" yang terdapat dalam perenggan (g).

3. Sekshen 6 Akta ibu ada-lah dengan ini di-pinda dengan memasukkan perkataan "atau mana² pegawai awam" antara perkataan "sa-siapa jua" dengan "sa-lama tempoh" yang terdapat dalam sekshen-kecil (3).

Pindaan bagi sekshen 6.

4. Sekshen 9 Akta ibu ada-lah dengan ini di-pinda dengan memasukkan perkataan "dan beberapa orang Penolong Pegawai Penyelia yang perlu" sa-lepas sahaja perkataan "Peladang" yang terdapat dalam sekshen-kecil (1).

Pindaan bagi sekshen 9.

5. Sekshen 12 Akta ibu ada-lah dengan ini di-pinda—

Pindaan bagi sekshen 12.

(a) dengan menggantikan perkataan "satu tahun kalendar" yang terdapat dalam sekshen-kecil (1) dengan perkataan "dua tahun kalendar"; dan

- (b) dengan memasukkan perkataan "sa-orang warga-negara Malaysia atau" antara perkataan "terhenti menjadi" dengan perkataan "sa-orang ahli" dalam perenggan (d) sekshen-kechil (5).

HURAIAN

Rang Undang² ini bertujuan untuk meminda Akta Persatuan Peladang, 1967 seperti berikut:

Fasal 2: Sekshen 5 (e) dan (g). Pindaan² itu berhubung dengan perkhidmatan² pasaran dan kredit yang akan di-adakan oleh Persatuan Peladang untuk menjalankan perkhidmatan² seperti mengendali, mengumpul, menyimpan, membeli dan menjual keluaran² ladang dan ternakan. Persatuan itu akan juga mengadakan perkhidmatan tabongan wang dan kredit seperti memberi pinjaman kepada ahli² dan menggalakkan mereka membuka akaun simpanan. Ini adalah sa-jajar dengan tujuan hendak memajukan ekonomi Persatuan Peladang.

Fasal 3: Sekshen 6. Menurut sekshen yang ada sekarang ini, nampak-nya, Pendaftar boleh mewakilkan kuasa-nya kepada "sa-saorang" hanya atas nama orang itu sahaja dan tidak atas jawatan-nya. Peruntukan ini telah menimbulkan kesukaran dari segi pentadbiran. Oleh yang demikian pindaan itu bertujuan untuk mengatasi kesukaran itu serta membolehkan kuasa Pendaftar diwakilkan kepada mana² pegawai awam atas jawatan-nya.

Fasal 4: Sekshen 9. Pegawai Penyelia di-tiap² Negeri ia-lah Pegawai Pertanian Negeri yang mempunyai banyak tugas lain yang hendak di-jalankan oleh-nya. Perlantekan sa-orang penolong akan merengankan tanggungan-nya.

Fasal 5: Sekshen 12. Pindaan di-bawah perenggan (a) Fasal ini ia-lah untuk membolehkan Lembaga Pengarah tiap² satu Persatuan Peladang memegang jawatan sa-tahun lebeh daripada yang diperuntukkan sekarang ini, ia-itu sa-lama dua tahun. Untuk membolehkan Lembaga itu menjalankan tugas²-nya dengan lebeh berkesan dan chekap dan juga mengadakan hubungan yang berterusan, maka tempoh perkhidmatan yang lebeh lama ada-lah di-kehendaki dari ahli²-nya. Oleh yang demikian, mereka akan lebeh faham akan perjalanan Persatuan Peladang termasuk masaalah pentadbiran dan pengurusan dan, di-samping itu, akan membolehkan mereka memperoleh dan meninggikan lagi mutu kemahiran-nya dalam bidang memberi bimbingan. Tempoh dua tahun yang di-adakan untuk pemilehan Lembaga itu akan juga merengankan kerja Pendaftar dan kakitangan-nya daripada sentiasa mengelola dan menyelia pemilehan. Sa-makin bertambah bilangan Persatuan Peladang maka sa-makin berat-lah tanggungan itu jika tiap² satu Persatuan Peladang mengadakan pemilehan²-nya tiap² sa-tahun sa-kali.

Tujuan pindaan di-bawah perenggan (b) Fasal ini ia-lah untuk memastikan supaya hanya warganegara Malaysia sahaja boleh berkhidmat dalam Lembaga Pengarah bagi Persatuan Peladang.

[P.N. (U²) 215.]